

MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU) BIL. 8/2015/2016

TARIKH : 21 APRIL 2016 (KHAMIS)
MASA : 2.30 PETANG
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 3, SPS, UTM JB
&
BILIK MESYUARAT SPSKL, TINGKAT
8, MENARA RAZAK, UTM KL

GARIS PANDUAN PERBELANJAAN PEPERIKSAAN LISAN (*VIVA-VOCE*) SEPERTI DILULUSKAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN SPS BIL. 2/2016

1.0 BAYARAN ELAUN SARA HIDUP PEMERIKSA LUAR (RM100.00) (Bermula Januari 2016)

- Dimansuhkan bermula tahun 2016 tanpa mengira tarikh surat pelantikan dikeluarkan atau tarikh viva/reviva dijalankan (Seperti kelulusan Mesyuarat JK Kewangan SPS Bil 07/2015)

1. KEMUDAHAN PERJALANAN PANEL PEMERIKSA VIVA

2. Menggunakan Kapal Terbang

- Kelas tempat duduk penerbangan untuk perjalanan panel pemeriksa adalah kelas ekonomi.
- Perlu menggunakan khidmat syarikat penerbangan Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan tambang murah yang menawarkan tambang yang lebih rendah.
- Dibenarkan menggunakan syarikat penerbangan Malaysian Airline System (MAS) sekiranya tiada laluan penerbangan disediakan oleh syarikat penerbangan lain.

2. Menaiki Kenderaan Sendiri

- Bagi perjalanan yang menggunakan kenderaan sendiri, pembayaran perjalanan mengikut kadar tambang gantian adalah masih terpakai.

1. KEMUDAHAN PENGINAPAN HOTEL PANEL PEMERIKSA

- Tempahan penginapan hotel hanya ditempah oleh pihak UTM sahaja. Tiada lagi tempahan dibuat sendiri oleh pemeriksa.
- Semua panel pemeriksa diwajibkan menginap di Scholar's Inn Johor Baharu atau Kuala Lumpur.
- Penginapan hanya layak untuk tempoh satu malam sahaja.
- Kelayakan bilik Scholar's Inn Johor Bahru adalah seperti berikut:-

Kelayakan Bilik Scholar's Inn Johor Bahru	
Gred	Jenis Bilik
VK7 dan ke atas	Bilik Suite dengan baucer makan berjumlah RM21.00
DS54 dan ke bawah	Bilik Scholar dengan baucer makan berjumlah RM21.00

- Tempahan dilakukan selewat-lewatnya dalam masa seminggu dari tarikh viva dijalankan.
- Tiada halangan untuk menempah hotel lain sekiranya bilik di Scholar's Inn telah penuh ketika tempahan dibuat Namun tertakluk kepada kadar maksimum seperti kadar di Scholar's Inn dan perlu menyertakan pernyataan secara bertulis daripada pihak Scholar's Inn.

1. PELANGGARAN GARIS PANDUAN YANG DITETAPKAN

- Pihak SPS berhak untuk tidak membuat pembayaran ke atas tuntutan yang tidak mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan.
- Pembayaran tuntutan yang ditolak hendaklah ditanggung sendiri oleh pihak yang berkaitan.



Thank You!

I ♥ UTM

Five gifts to UTM